



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DIFTERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 23
No. 21

18hb Oktober 1979

TAMBAHAN No. 60
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 264.

AKTA PERGIGIAN 1971

PERINTAH AKTA PERGIGIAN (PINDAAN BAGI JADUAL KEDUA) (No. 2) 1979

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 (2) Akta Pergigian 1971, Menteri selepas berunding dengan Majlis Pergigian Malaysia membuat Perintah yang berikut: Akta 51.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akta Pergigian (Pindaan bagi Jadual Kedua) (No. 2) 1979.** Nama.

2. Jadual Kedua kepada Akta Pergigian 1971 adalah dipinda dengan memasukkan di tempat-tempat yang berkenaan negeri-negeri, yayasan-yayasan dan kelulusan-kelulusan yang berikut: Pindaan bagi Jadual Kedua.

Negeri di mana kelulusan diberi	Yayasan yang memberi kelulusan	Perihal kelulusan
Malaysia ...	University of Malaya ...	Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian
Turkey ...	University of Istanbul ...	Distabeti Diplomasi (Diploma of Dental Surgery)

Diperbuat pada 4hb Oktober 1979.
[KKS 405 (2/2); PN. (PU²) 93.]

TAN SRI CHONG HON NYAN,
Menteri Kesihatan

DENTAL ACT 1971

DENTAL ACT (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) (No. 2) ORDER 1979

IN exercise of the powers conferred by section 12 (2) of the Dental Act 1971, the Minister after consulting the Malaysian Dental Council makes the following Order: Act 51.

1. This Order may be cited as the **Dental Act (Amendment of Second Schedule) (No. 2) Order 1979.** Citation.

Amendment
of Second
Schedule.

2. The Second Schedule to the Dental Act 1971 is amended by inserting in the appropriate places the following countries, institutions and qualifications:

Country in which qualification is granted	Institution granting qualification	Description of qualification
Malaysia ...	University of Malaya ...	Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian
Turkey ...	University of Istanbul ...	Distabeti Diplomas (Diploma of Dental Surgery)

Made the 4th October 1979.
[KKS 405 (2/2); PN. (PU²).93.]

TAN SRI CHONG HON NYAN,
Minister of Health

P.U. (A) 265.

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (TENDER DAN KONTREK) (PINDAAN) 1979

21/63.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 29 (1) Akta Lembaga Pelabuhan 1963, Lembaga Pelabuhan Johor dengan persetujuan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Tender dan Kontrek) (Pindaan) 1979.**

Pindaan bagi
undang-undang
kecil 3 (1).
P.U. (A)
83/77.

2. Undang-undang kecil 3 (1) Undang-undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Tender dan Kontrek) 1977, yang di dalam undang-undang kecil ini disebut "Undang-undang Kecil ibu", adalah dipinda dengan menggantikan angka "\$1,000" dengan angka "\$5,000".

Pindaan bagi
undang-undang
kecil 5 (1).

3. Undang-undang kecil 5 (1) Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan angka "\$10,000" dengan angka "\$25,000".

Pindaan bagi
undang-undang
kecil 6 (1).

4. Undang-undang kecil 6 (1) Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan angka "\$10,000" dengan angka "\$25,000".

Pindaan bagi
undang-undang
kecil 9.

5. Undang-undang kecil 9 Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda—
(a) dengan menggantikan angka "\$20,000" yang terdapat dalam perenggan (i) dengan angka "\$50,000";
(b) dengan menggantikan angka "\$20,000" yang terdapat dalam perenggan (ii) dengan angka "\$50,000".

Pindaan bagi
Jadual
Pertama.

6. Butiran-butiran di bawah tajuk "Nilai Tender" di dalam Ruang 1 Jadual Pertama kepada Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda seperti berikut—

- (a) dengan menggantikan angka "\$20,000" yang terdapat dalam butiran 1 dengan angka "\$50,000";
- (b) dengan menggantikan angka-angka "\$20,000" dan "\$50,000" yang terdapat dalam butiran 2 masing-masingnya dengan angka-angka "\$50,000" dan "\$100,000";
- (c) dengan menggantikan angka "\$50,000" yang terdapat dalam butiran 3 dengan perkataan-perkataan "\$100,000 hingga \$250,000".